



## SIARAN MEDIA

---

### KERANGKA UNDANG-UNDANG DAN DASAR ASAS PENGUKUHAN EKOSISTEM TVET

---

**PUTRAJAYA, 5 FEBRUARI 2022**– Susulan daripada Mesyuarat Majlis TVET Negara (MTVET) semalam yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, beliau telah mengumumkan beberapa usaha untuk memantapkan ekosistem TVET di Malaysia. Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) percaya bahawa usaha-usaha tersebut merupakan langkah strategik yang perlu diambil bagi memastikan pembangunan modal insan TVET negara, khususnya berkaitan keperluan kemahiran dan tenaga kerja.

Isu ketidakselarasan tadbir urus dalam ekosistem TVET telah pun dinyatakan secara terperinci dalam Rancangan Malaysia Ke-10 lagi. Walaupun telah banyak usaha penambahbaikan termasuk penubuhan MBOT sebagai sebuah badan profesional yang mengiktiraf graduan-graduan TVET sebagai profesion ikhtisas, namun aspek pengukuhan tadbir urus dalam ekosistem TVET perlu ditambah baik dari semasa ke semasa.

Penubuhan Badan Koordinasi TVET Kerajaan-Industri (Government-Industry TVET Coordination Body, GITC) diharapkan akan mengukuhkan hubungan pemain industri berkaitan TVET khususnya syarikat-syarikat, penyedia latihan kemahiran serta agensi-agensi berkaitan. Seterusnya, GITC akan dapat memastikan inisiatif-inisiatif TVET ini menghasilkan impak yang lebih besar. Ini kerana inisiatif TVET yang berada di pelbagai kementerian menyukarkan aspek pemantauan, penilaian dan penambahbaikan dijalankan dengan berkesan.

Kerajaan juga secara dasar telah bersetuju dengan penarafan tunggal TVET untuk memperkukuh simbiosis ekosistem TVET. MBOT berpandangan penarafan ini akan memberi banyak kelebihan khususnya kepada kualiti graduan TVET yang akan dihasilkan. Inisiatif ini juga dapat membantu pihak majikan dalam mengenalpasti bakat yang bersesuaian dengan keperluan industri masing-masing. Dengan ini, jurang antara permintaan dan penawaran tenaga kerja dapat dirapatkan.

MBOT turut mengalakkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh *community of practice* iaitu sekumpulan profesional dalam bidang yang sama untuk mengerakkan sektor masing-masing dan seterusnya membantu meningkatkan profesionalisme modal insan. Sebagai contoh, baru-baru ini *community of practice* dalam bidang teknologi telekomunikasi dan penyiaran mencadangkan penetapan amalan profesional dalam projek-projek pembangunan berkaitan telekomunikasi.

Selain daripada inisiatif yang bersifat program, perhatian juga haruslah diberikan kepada usaha mengukuhkan kerangka polisi dan undang-undang yang berkaitan. Dengan cara ini, ia akan memastikan komitmen industri untuk sama-sama terlibat aktif dalam pembangunan modal insan yang akhirnya akan menyumbang kembali kepada produktiviti industri. Di negara maju seperti Jerman, pendidikan berkaitan TVET adalah sangat berkait rapat dengan keberkesanan polisi dan sokongan kerangka undang-undang.

Sebagai sebuah badan profesional yang ditubuhkan untuk mengiktiraf juruteknik dan teknologis profesional, MBOT sentiasa menyokong inisiatif-inisiatif ke arah pembangunan profesionalisme bakat di negara ini.

---

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)

[t.nabila@mbot.org.my](mailto:t.nabila@mbot.org.my)

[info@mbot.org.my](mailto:info@mbot.org.my)